


# Step by Step

## Permohonan Kebenaran Berkahwin di SPPIM

Disediakan oleh: Kak Aimi
Kursus Kahwin WEP
Masjid Wilayah Persekutuan KL


CAFÉ
Hot Cocoa
Warung Kopi!
Panjangnya step! Kena pergi kursus kahwin WEP jugak ni
Alhamdulillah kita pergi kursus kahwin WEP! Ebook diorang ni senang nak faham cara isi borang di website SPPIM
Alhamdulillah! I pun happy juga with our choice. Nanti lepas submit, kita terus print! I nak book appointment untuk HIV test

# Langkah 1

Let's Go

1. Layari website: **HTTPS://SPPIM.GOV.MY**
2. Tekan butang **kebenaran berkahwin**






# Langkah 2






1. Tekan butang **PERMOHONAN BARU**



# Langkah 3







Sila masukkan maklumat mengikut turutan yang dipaparkan di bawah.
Ruang maklumat yang bertanda * adalah **WAJIB** diisi bagi setiap permohonan.

| Pemohon Lelaki | Pemohon Perempuan |
|---|---|
| No. Kad Pengenalan (Baru) * | No. Kad Pengenalan (Baru) * |
| [redacted] | [redacted] |
| NO. PENGENALAN | NO. PENGENALAN |
| Nama * | Nama * |
| ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM | AINUL BINTI AMINUL |
| E-mel * | E-mel * |
| [redacted] | [redacted] |
| No. Telefon * | No. Telefon * |
| [redacted] | [redacted] |
| [Soalan Keselamatan] Nama Ibu* | [Soalan Keselamatan] Nama Ibu * |
| [redacted] | [redacted] |

Bagi meneruskan permohonan, salah seorang daripada pemohon perlu membuat pengesahan.Sila semak e-mel INBOX /SPAM /JUNK seperti yang didaftarkan untuk meneruskan permohonan berkahwin. Sebarang notifikasi dan maklumat akan dihantar ke alamat e-mel yang telah didaftarkan.

BATAL | CIPTA PERMOHONAN



1 ISI MAKLUMAT LELAKI

2 ISI MAKLUMAT PEREMPUAN

3 TEKAN CIPTA PERMOHONAN

# Langkah 4




Tekan **OK**
dan anda akan menerima Email pengesahan dari SPPIM



# Langkah 5

keep going







Semak Email anda dan tekan butang **PERMOHONAN KEBENARAN BERKAHWIN** untuk ke Portal SSPIM



Pastikan anda salin/catat/copy **NOMBOR RUJUKAN PERMOHONAN**. anda akan perlukannya untuk login nanti.



# Langkah 6




Masukkan **NOMBOR PENGENALAN** & **NOMBOR RUJUKAN** yang anda terima di Email tadi, dan tekan butang **CARI**



# Langkah 7







1. Isi maklumat di bahagian **PEMOHON LELAKI** & **PEMOHON PEREMPUAN**.
2. Bahagian bertanda * wajib dilengkapkan segera. Jika tidak, anda tak dapat teruskan ke langkah seterusnya.

# Langkah 8



## ALAMAT TETAP

Alamat Tetap (Seperti dalam dokumen pengenalan) *

1234, SIMPANG LIMA PERMATANG BULOH,

13200, KEPALA BATAS, PULAU PINANG

Negara * MALAYSIA

Negeri * PULAU PINANG

Bandar KEPALA BATAS

Daerah * [redacted]

Poskod* 13200

## ALAMAT BERMASTAUTIN/ SEMASA

Alamat Bermastautin/ Semasa* 25, DAMANSARA PERDANA

Sama Seperti Alamat Tetap

Negara* MALAYSIA

Negeri* SELANGOR

Bandar SHAH ALAM

Daerah* PETALING

Poskod* 40150

Kariah* [redacted]

Parlimen (Tempat Mastautin)* [redacted]

DUN (Tempat Mastautin)* [redacted]

**ALAMAT TETAP**
Alamat mengikut kad pengenalan anda

**ALAMAT PERMASTAUTIN / SEMASA**
Alamat tempat tinggal anda sekarang/terkini. SPPIM akan berikan borang mengikut negeri alamat semasa.



# Langkah 9




Selesai bahagian pemohon lelaki, tekan butang **SIMPAN & SETERUSNYA**.




kemudian, isi maklumat pemohon perempuan pula. Tekan simpan & seterusnya




Lengkapkan bahagian **KEBENARAN**.
Anda perlu isi **ALAMAT TEMPAT NIKAH**




**NAMUN JIKA;**
Alamat tempat nikah anda **SAMA** dengan alamat tempat tinggal lelaki/perempuan, anda hanya perlu "tick" pada kotak ini sahaja.



# Langkah 10

Tekan butang **CETAK BORANG HIV** untuk dapatkan borang Permohonan Ujian Saringan HIV


MAKLUMAT UJIAN SARINGAN HIV

1. Keputusan HIV boleh dikemaskini selepas ujian saringan dijalankan
2. Sila abaikan Borang Permohonan Ujian Saringan HIV yang disediakan di dalam CETAK BORANG sekiranya cetakan borang ini telah dibuat di sini.

CETAK BORANG HIV

Tarikh Ujian (Lelaki)*
28/02/2025

Tarikh Ujian (Perempuan)*
28/02/2025

Keputusan Ujian (Lelaki)*
TIDAK REAKTIF

Keputusan Ujian (Perempuan)*
TIDAK REAKTIF

MAKLUMAT WALI



Selepas dah buat HIV test, LOGIN semula ke SPPIM dan kemaskini/update keputusan HIV test kedua-dua pemohon dan tekan butang simpan

**ATTENTION**

Sebelum pergi HIV test, pastikan anda buat temujanji melalui MySejahtera. Test hanya boleh dibuat di KKM saja.

Selepas tekan cetak borang HIV, akan dapat 2 borang HIV test untuk setiap pemohon.
Anda perlu cetak 3 salinan borang HIV test untuk dibawa ke Klinik Kesihatan Kerajaan



NO. RUJUKAN : KB25920627-02

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**BORANG PERMOHONAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN**

**BAHAGIAN 1 : (DIISI OLEH PEMO**[redacted]

[redacted] **AINUL BINTI AMINUL**, Alamat **NO.5, JALAN KB 2/2,, BANDAR COUNTRYHOMES, 41500 RAWANG GOMBAK, SELANGOR**, No. Kad Pengenalan / No. Pasport **960108295384**, No. Telefon **0126032257** dengan ini **BERSETUJU/ TIDAK BERSETUJU** secara sedar dan tanpa sebarang paksaan untuk menjalani saringan HIV dan ujian-ujian lain yang berkaitan, memaklumkan keputusan ujian saringan HIV kepada pasangan dan menjalani sesi kaunseling bersama pasangan sekiranya diperlukan.

**Tarikh** :

**Tandatangan** :

**(Pemohon)**

**BAHAGIAN 2 : (DIISI OLEH PENGAMAL PERUBATAN KERAJAAN)**

Klinik Kesihatan : ..........................................................................................

Saya, Pengamal Perubatan seperti yang dinyatakan di bawah dengan ini mengesahkan bahawa ujian saringan HIV telah dilakukan terhadap Encik/Cik **AINUL BINTI AMINUL** di klinik ini dan keputusannya adalah ..............................................................

**Tarikh** :

**Tandatangan** :

**(Pengamal Perubatan)**



NO. RUJUKAN : KB25920627-01

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**BORANG PERMOHONAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN**

**BAHAGIAN 1 : (DIISI OLEH PEMOHON)**

[redacted]

Saya **ABDUL RAHMAN BIN ABDUL** [redacted]at **1234, SIMPANG LIMA PERMATANG BULOH,, 13200, KEPALA BATAS, PULAU PINANG, 13200 KEPALA BATAS** [redacted] **PULAU PINANG**, No. Kad Pengenalan / No. Pasport **951123075023**, No. Telefon **0126032257** dengan ini **BERSETUJU/ TIDAK BERSETUJU** secara sedar dan tanpa sebarang paksaan untuk menjalani saringan HIV dan ujian-ujian lain yang berkaitan, memaklumkan keputusan ujian saringan HIV kepada pasangan dan menjalani sesi kaunseling bersama pasangan sekiranya diperlukan.

**Tarikh** :

**Tandatangan** :

**(Pemohon)**

**BAHAGIAN 2 : (DIISI OLEH PENGAMAL PERUBATAN KERAJAAN)**

Klinik Kesihatan : ..........................................................................................

Saya, Pengamal Perubatan seperti yang dinyatakan di bawah dengan ini mengesahkan bahawa ujian saringan HIV telah dilakukan terhadap Encik/Cik **ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM** di klinik ini dan keputusannya adalah ..............................................................

**Tarikh** :

**Tandatangan** :

**(Pengamal Perubatan)**

contoh

# Langkah 11

Keputusan Ujian (Lelaki)*: TIDAK REAKTIF

Keputusan Ujian (Perempuan)*: TIDAK REAKTIF

## MAKLUMAT WALI

Hubungan Dengan Wali*: BAPA KANDUNG

Tarikh Nikah Ibu Bapa: 10/12/1985

Jenis Kad Pengenalan Wali*: No. Kad Pengenalan (Baru)

No. Kad Pengenalan Wali*: [redacted]

Nama Penuh Wali*:

Warganegara Wali: MALAYSIA

Tarikh Lahir Wali: 23/08/1957

Bangsa: MELAYU

Alamat Tempat Tinggal Wali: NO.5, JALAN KB 2/2, BANDAR COUNTRYHOMES

☑ Sama Seperti Tempat Tinggal Perempuan

Negara: MALAYSIA

Negeri: SELANGOR

Bandar: RAWANG

Poskod: 41500

No. Tel. Wali*: [redacted]

KEMBALI | SIMPAN | SIMPAN & SETERUSNYA

Seterusnya lengkapkan maklumat Wali. Pastikan ianya tepat kerana wali yang salah akan mengakibatkan perkahwinan anda tidak sah.

Jangan lupa tekan **simpan**, dan tekan butang **simpan & seterusnya**



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

## BORANG TERTIB SUSUNAN WALI

Nama Pemohon : ..........................................................................

No. Kad Pengenalan/ Pasport : ..........................................................................

| BIL. | TERTIB SUSUNAN WALI | KETERANGAN/ CATATAN PENDAFTAR/ PEN. PENDAFTAR NCR) |
|---|---|---|
| 1 | ☐ BAPA KANDUNG | |
| 2 | ☐ DATUK (BAPA KEPADA BAPA) DAN KE ATAS | |
| 3 | ☐ SAUDARA LELAKI SEIBU SEBAPA (Abang / adik kandung) | |
| 4 | ☐ SAUDARA LELAKI SEBAPA | |
| 5 | ☐ ANAK SAUDARA LELAKI SEIBU SEBAPA (Anak Saudara) | |
| 6 | ☐ ANAK LELAKI SAUDARA LELAKI SEBAPA (Anak Saudara) | |
| 7 | ☐ ANAK LELAKI KEPADA ANAK SAUDARA LELAKI SEIBU SEBAPA KE BAWAH | |
| 8 | ☐ ANAK LELAKI KEPADA ANAK SAUDARA LELAKI SEBAPA KE BAWAH | |
| 9 | ☐ BAPA SAUDARA SEBELAH BAPA SEIBU SEBAPA | |
| 10 | ☐ BAPA SAUDARA SEBELAH BAPA SEBAPA | |
| 11 | ☐ ANAK LELAKI BAPA SAUDARA SEBELAH BAPA SEIBU SEBAPA (SEPUPU) | |
| 12 | ☐ ANAK LELAKI BAPA SAUDARA SEBELAH BAPA SEBAPA (SEPUPU) | |
| 13 | ☐ ANAK SEPUPU SEIBU SEBAPA KE BAWAH | |
| 14 | ☐ ANAK SEPUPU SEBAPA KE BAWAH | |
| 15 | ☐ BAPA SAUDARA BAPA SEBELAH BAPA SEIBU SEBAPA (DATUK SAUDARA) | |
| 16 | ☐ BAPA SAUDARA BAPA SEBELAH BAPA SEBAPA (DATUK SAUDARA) | |
| 17 | ☐ ANAK LELAKI DATUK SAUDARA SEIBU SEBAPA | |
| 18 | ☐ ANAK LELAKI DATUK SAUDARA SEBAPA | |
| 19 | ☐ ANAK LELAKI KEPADA ANAK LELAKI DATUK SAUDARA SEIBU SEBAPA KE BAWAH | |
| 20 | ☐ ANAK LELAKI KEPADA ANAK LELAKI DATUK SAUDARA SEBAPA KE BAWAH | |
| 21 | ☐ BAPA SAUDARA DATUK SEIBU SEBAPA (MOYANG SAUDARA) | |
| 22 | ☐ BAPA SAUDARA DATUK SEBAPA (MOYANG SAUDARA) | |
| 23 | ☐ ANAK LELAKI MOYANG SAUDARA SEIBU SEBAPA | |
| 24 | ☐ ANAK LELAKI MOYANG SAUDARA SEBAPA | |
| 25 | ☐ ANAK LELAKI KEPADA ANAK LELAKI MOYANG SAUDARA SEIBU SEBAPA | |
| 26 | ☐ ANAK LELAKI KEPADA ANAK LELAKI MOYANG SAUDARA SEBAPA | |
| 27 | ☐ WALI HAKIM / WALI RAJA / WALI SULTAN | |

## TERTIB SUSUNAN WALI

1. Penggunaan wali WAJIB mengikut tertib!
2. Tertib wali tak boleh dilangkau/skip.
3. ***Contoh:*** anda tak boleh guna abang lelaki jika ayah masih hidup.
4. ***Contoh:*** ayah sudah meninggal, anda tak boleh gunakan abang jika datuk masih hidup.
5. ***Contoh:*** hubungan dengan ayah tidak baik, anda tak boleh skip dan ambil abang anda sebagai wali.
6. Kesilapan tertib wali akan mengakibatkan perkahwinan anda **TIDAK SAH** dari hukum syarak dan undang-undang..



# Langkah 12




Cetak borang dan senarai semak

**PENTING!**

1. Cetak borang dan lengkapkan dokumen seperti dalam senarai semak.
2. Seterusnya, dapatkan tandatangan Penolong Pendaftar Nikah / Imam Jurunikah di masjid kariah kawasan anda.
3. Kemudian barulah anda boleh **SCAN** dan **UPLOAD/MUATNAIK** borang anda yang telah lengkap itu.

Upload fail di sini mengikut aturan nombor di senarai semak

Tick kenyataan penafian, tekan simpan dan tekan butang simpan & seterusnya



# Langkah 13







Ulang langkah yg sama untuk borang permohonan perempuan

Upload fail di sini mengikut aturan nombor di senarai semak

Tick kenyataan penafian, dan tekan butang **Simpan & Hantar Permohonan**



# Langkah 14

## TERAKHIR

1. Setelah anda Upload dan Hantar Permohonan, anda perlu tunggu email dari SPPIM.
2. SPPIM akan email kepada anda **TARIKH TEMUJANJI / APPOINTMENT** untuk anda hadir ke Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) untuk menghantar borang permohonan anda.
3. **BETUL!** Anda tak salah baca, anda memang akan menghantar borang 2 kali!
4. Kali pertama ketika anda upload borang melalui website SPPIM.
5. Kali kedua secara terus ke PAID pada tarikh temujanji anda.
6. Terakhir, anda cuma perlu tunggu PAID keluarkan surat kebenaran berkahwin. Di Selangor/KL boleh dapat pada hari yg sama.



**Kami berharap e-book ini dapat membantu anda membuat permohonan kebenaran berkahwin di SPPIM dengan lebih mudah dan lancar.**

**Kami juga mendoakan agar perkahwinan yang bakal anda semua bina ini sentiasa diberkati, dirahmati serta dikurniakan kebahagiaan yang penuh perasaan cinta dan kasih sayang.**

**Don't forget to follow us**

@KURSUSKAHWINWEP

kursus kahwin WEP
@kursuskahwinwep
TikTok

**Akhir kata, kami ucapkan awal sikit ye, selamat pengantin baru! Semoga perjalanan hidup selepas ini membawa kalian kepada kebahagiaan yang sejati, dan semoga cinta kalian terus berkembang dengan penuh keikhlasan.**

*Kelubi dan keranji beralih dulang,*
*Bekallah bingka ke Tanjung Sena;*
*Suami dan isteri berkasih sayang,*
*Kekallah bahagia ke hujung nyawa.*

**https://kursuskahwinwep.com**



# We would like to invite you to




## Dunia Pengantin Expo

Shah Alam Convention Centre

4th to 6th July 2025

Mengukir memori Raikan kebahagiaan